**MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT**

# KENYATAAN TENDER

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor **BUMIPUTERA** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** dalam kelas dan jenis pendaftaran dan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini untuk kerja-kerja berikut:-

| NO. TENDER | PERIHAL KERJA | KELAS , PENGHUSUSAN & HARGA DOKUMEN | TARIKH DOKUMEN DIJUAL | TARIKH & MASA LAWATAN TAPAK/TAKLIMAT |
|---|---|---|---|---|
| MPBP / 1 / 2018 | KERJA-KERJA MENURAP SEMULA DENGAN PREMIX DI TAMAN PUTERA INDAH SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN | G4 & CE01<br>RM200.00 | **JUALAN**<br>15.2.2018<br>HINGGA<br>1.3.2018<br>**TUTUP PADA**<br>8.3.2018<br>(12.00 Tengahari) | **PENDAFTARAN**<br>9.30 PAGI<br>HINGGA<br>10.30 PAGI<br>**LAWATAN TAPAK**<br>11.00 PAGI<br>**TARIKH**<br>15.2.2018<br>(Khamis) |
| MPBP / 2 / 2018 | KERJA-KERJA MENURAP SEMULA DENGAN PREMIX DI TAMAN UNIVERSITI PARIT RAJA SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN | G4 & CE01<br>RM 200.00 | | |
| MPBP / 3 / 2018 | PROJEK MEMBINA DATARAN PARIT RAJA | G4 & CE21 / B04<br>RM 350.00 | | |

2. Penender yang berminat adalah **DIWAJIBKAN** untuk menyertai Sesi lawatan tapak / taklimat yang akan diadakan pada tarikh dan masa sepertimana yang telah ditetapkan. Tempat pendaftaran dan sesi taklimat ialah di **DEWAN JUBLI INTAN, JALAN RAHMAT, BATU PAHAT** . Penender juga boleh mewakilkan lawatan tapak/taklimat ini kepada wakilnya yang sah (Definasi wakilnya yang sah ialah kakitangan syarikat yang membawa Surat Perwakilan Kuasa daripada syarikat berkenaan).

3. Hanya seorang Penender / Wakil Penender sahaja dibenarkan menjalankan urusan pembelian dokumen tender dan menghadiri taklimat / lawatan tapak. Untuk maksud ini Pentender / Wakil Penender **diwajibkan** membawa Perakuan **Pendaftaran Asal Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)**, **Sijil Pendaftaran Asal Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** dan **Sijil Asal Pengiktirafan Taraf Bumiputra** (Salinan hendaklah disertakan untuk simpanan pihak Majlis) dan **Sijil Sururhanjaya Malaysia (SSM)**. Penender yang mematuhi syarat di atas sahaja **DIBENARKAN** menyertai sesi lawatan tapak / taklimat serta membeli dokumen tender yang dikeluarkan.

4. Dokumen tender boleh diperolehi di **Jabatan Bangunan & Kejuruteraan, Majlis Perbandaran Batu Pahat** pada tarikh yang telah ditetapkan dari jam **8.30 pagi** hingga jam **4.00 petang** (dokumen tender tidak akan dijual selepas tarikh tersebut). Bayaran dokumen tender boleh dibuat secara **Tunai / Draf Bank / Wang Pos / Kiriman Wang** yang dibuat di atas nama **Yang Dipertua Majlis Perbandaran Batu Pahat**. Bayaran dokumen ini tidak akan dikembalikan.

5. Dokumen-dokumen tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta ditulis No. Tender dan Perihal Kerja di sudut atas sebelah kiri sampul surat. Tender yang tidak dihantar melalui pos hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran di **Jabatan Kejuruteraan, Majlis Perbandaran Batu Pahat, Jalan Pejabat, 83000 Batu Pahat** sebelum jam **12.00 tengahari** pada **8.3.2018 .**

6. **Majlis Perbandaran Batu Pahat** tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau sebarang tawaran yang lain.

**YANG DIPERTUA**
MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT